

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8/12/2018

Serius hapus rasuah jika mahu 'mengaum' lagi

→ Capai status negara maju dengan kerja keras, bukan menyeleweng: Tun M

Oleh Azura Abas, Zanariah Abd Mutalib dan Hashini Kavishtri Kannan
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Malaysia perlu serius berusaha membanteras rasuah jika mahu menyertai kelompok negara maju dan menjadi 'harimau Asia' sekali lagi.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata negara maju tidak berada di mana mereka berada sekarang dengan mengambil jalan mudah untuk berjaya.

"Bagi mendapatkan status negara maju, kita perlu bekerja keras, berdisiplin, tegas dalam berurusan dan tidak mengambil jalan mudah untuk menjadi kaya iaitu terbabit dalam penyelewengan.

"Saya rasa sudah sampai masa untuk Malaysia menyertai negara yang berkemampuan dan memberitahu dunia yang kita adalah negara yang kuat, menghormati demokrasi dan peraturan perundangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan ucapan pada majlis Anugerah Kecemerlangan Anti Rasuah Antarabangsa Sheikh Tamim Bin Hamad Al Thani di sini, semalam. Majlis dihadiri Emir Qatar, Sheikh Tamim Hamad Al Thani.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan usaha menambah baik tadbir urus dan memperkenalkan inisiatif antirasuah bagi menghentikan amalan itu serta penyalahgunaan kuasa selepas mengambil alih pentadbiran negara pada 9 Mei lalu.

"Kita tidak bangga apabila pada satu masa, Malaysia dilabelkan sebagai kleptokrasi. Hari ini kita menghentikan semuanya, bukan hanya membuang label itu tetapi juga mengingatkan semua di Malaysia yang rasuah adalah sesuatu yang tidak boleh ditoleransi. Ia perlu dilayan dengan jijik dan marah.

"Dengan hanya mengurangkan amalan rasuah, kerajaan dan negara boleh bergerak ke depan. Malaysia dan rakyatnya boleh menganggap mereka maju apabila mereka boleh rasuah dan menghentikannya," katanya.

Cemerlang banteras rasuah

Mengenai anugerah berkenaan, Perdana Menteri berkata, penerimanya melakukan kerja yang cemerlang dalam bidang masing-masing untuk membanteras rasuah di negara masing-masing dan antarabangsa, serta berharap rakyat Malaysia mendapat inspirasi daripada mereka.



Arca berbentuk tangan dirasmikan oleh Dr Mahathir dan Emir Qatar di Dataran Putra, Masjid Putra, Putrajaya, semalam.

Pada majlis berkenaan, Perdana Menteri turut mengumumkan sumbangan Malaysia RM500,000 bagi menyokong penubuhan "Dana Juara Persatuan Antarabangsa Pihak Berkuasa Anti Rasuah (IAACA)" yang bertujuan memberi bantuan kepada ahli IAACA yang berdepan cabaran dalam memerangi rasuah.

Anugerah Kecemerlangan

Anti Rasuah Antarabangsa Sheikh Tamim Bin Hamad Al Thani dianjurkan bagi mempromosi kepentingan menangani rasuah di seluruh dunia. Sebanyak lapan pemenang dipilih bagi empat kategori yang ditetapkan iaitu Penyelidikan Akademik dan Pendidikan, Kreativiti Belia dan Pembabitatan, Inovasi dan Pencapaian Sepanjang Hayat/Cemerlang.